

SUFFIAN Mansor

Universiti Kebangsaan Malaysia

AWANG AZMAN Awang Pawi

Universiti Malaya

SARAWAK DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14: CABARAN KEPADA KONSEP STRONGMAN DAN PENAUNG-DINAUNG

SARAWAK IN THE 14TH GENERAL ELECTION: THE CHALLENGE OF THE STRONGMAN AND PATRON-CLIENT CONCEPTS

Sarawak dianggap sebagai kubu kuat Barisan Nasional (BN). BN tidak pernah kalah dalam pilihan raya baik di peringkat negeri maupun parlimen. Kekuatan Barisan Nasional Sarawak (BNS) ini dikaitkan dengan konsep strongman dan penaung-dinaung. Menerusi kedua-dua konsep ini kepimpinan BNS mampu menggunakan pelbagai kemudahan kerajaan dan imej mereka sebagai pembela rakyat untuk menang dalam setiap pilihan raya. Usaha ini membawa kepada kejayaan besar bagi BNS dalam pilihan raya. Kesannya membolehkan mereka mengekal kuasa di Sarawak dan memenangi hampir 90 peratus kerusi parlimen. Namun demikian pada pilihan raya umum ke-14 kerelevenan konsep strongman dan penaung-dinaung mula dicabar. Walaupun BNS berjaya menang separuh kerusi parlimen di Sarawak tetapi beberapa kerusi bumiputera berjaya dimenangi oleh pembangkang. Sebelum ini kerusi bumiputera tetap dimenangi oleh BNS. Hal ini menunjukkan terdapat kecenderungan pengundi bumiputera mengalih sokongan kepada Pakatan Harapan (PH). Perkembangan ini menunjukkan bahawa BNS tidak boleh mengharap kemudahan kerajaan dan retorik BNS sebagai agen pembangunan dalam memberi kemenangan berterusan kepada mereka. Oleh itu BN Sarawak perlu berusaha lebih kuat dan menumpukan pada isu-isu berorientasikan rakyat dari isu-isu retorik lama yang secara perlahan ditolak.

Kata kunci: Sarawak, Abang Johari, Barisan Nasional Sarawak, Pakatan Harapan, Ekonomi Digital

Sarawak is regarded as Barisan Nasional (BN) stronghold. BN has never lost in the state and parliamentary elections. The Sarawak Barisan Nasional (BNS) strength is associated with the concepts of strongman and patron-client. Through these two concepts, the BNS leadership has been able to utilize various government facilities to burnish their reputation as the people's champion to win in every

election. This effort had led to the great success of the BNS in the elections and allowed them to retain power in Sarawak by winning nearly 90 percent of parliamentary seats. However, the 14th general election challenged the concepts of strongman and patron-client in Sarawak. Although the BNS managed to win half the parliamentary seat in Sarawak, some Bumiputera seats were won by the opposition. In previous elections BNS had always won these Bumiputera seats. This shows that the Bumiputera voters have the tendency to support Pakatan Harapan (PH). Consequently, the BNS can no longer depend on government facilities and rhetoric of BNS as a development agent to provide them with a continuous victory. Therefore, BNS must work harder and focus more on people-oriented issues, rather than recycling old issues that voters are slowly rejecting now.

Keywords: Sarawak, Abang Johari, Barisan Nasional Sarawak, Pakatan Rakyat, Digital Economy.

Pengenalan

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) bukan sahaja mengubah lanskap politik Malaysia tetapi juga menimbulkan tanda-tanya terhadap kegagalan Barisan Nasional Sarawak (BNS) mengekalkan status quoonya sebagai deposit tetap Barisan Nasional (BN). Ini kerana sejak tahun 1970-an, BNS telah memberi sumbangan besar kepada BN di peringkat pusat untuk kekal berkuasa. Sumbangan paling bermakna BNS ini adalah apabila mereka menyelamatkan BN pusat daripada kalah selepas PRU-12 pada 2008. Namun keputusannya berbeza pada PRU-14. BNS bukan sahaja gagal memberi sumbangan bermakna kepada BN pusat tetapi hilang beberapa kerusi bumiputera yang mereka menangi dalam PRU-13. Hal ini menimbulkan pelbagai persoalan tentang mengapa perkara ini boleh berlaku. Sarawak lazimnya dikatakan tidak terganggu banyak oleh isu nasional, dan penduduk luar bandar khususnya bumiputera tidak menghiraukan isu rasuah dan ada yang tidak memahami isu 1MDB yang menjadi polemik di peringkat nasional. Namun kali ini ada kecenderungan bahawa mereka mengubah angin untuk menafikan BNS terus selesa dengan sokongan bumiputera. Selama ini juga konsep *strongman* dan penaung-dinaung amat penting dalam kestabilan politik Sarawak. Kedua-dua konsep ini seolah-olah membantu BNS terus mendabik dada bahawa mereka adalah kebal di kawasan bumiputera. Malahan konsep politik pembangunan yang digerakkan oleh bekas Ketua Menteri Sarawak iaitu Abdul Taib Mahmud dapat mengatasi semua tuduhan rasuah yang dilontar kepada beliau. Oleh itu kajian dalam artikel ini cuba meneliti sejauhmanakah konsep *strongman* ini masih relevan dalam politik Sarawak? Adakah juga faktor penaung-dinaungi juga mula diragui keberkesanannya dalam konteks

politik Sarawak?

Kepimpinan Sarawak

Sejarah telah banyak membuktikan kosnep *strongman* ini amat berkesan dalam menentukan penguasaan BNS. Pembinaan *strongman* ini telah terbina sejak zaman Brunei dengan peranan yang dimainkan oleh Datu-datu Melayu. Walaupun Sarawak ditadbir oleh keluarga Brooke yang kemudiannya diganti oleh pentadbiran Jepun sehingga Sarawak menjadi tanah jajahan tetapi golongan Datu-datu Melayu ini masih mempunyai pengaruh dalam pentadbiran di tiga era tersebut. Proses pembinaan *strongman* ini terus berubah selepas pembentukan Malaysia. Ini kerana munculnya golongan berpendidikan mula mengantikan golongan Datu-datu Melayu ini.¹ Perkara ini membawa kepada kemunculan golongan berpendidikan untuk menempatkan diri mereka dalam politik. Peranan golongan Datu-datu Melayu malah golongan tradisional Dayak mula terhakis dalam politik Sarawak selepas merdeka. Peranan golongan Datu-datu Melayu dan tradisional Dayak ini mula beransur-ansur hilang dan diganti oleh golongan berpendidikan tinggi. Golongan kelas baharu ini menggunakan sumber-sumber kerajaan seperti tanah, pekerjaan, kewangan, projek pembangunan dan lain-lain membolehkan mereka meningkatkan status sosial mereka.² Dalam kalangan pemimpin baharu ini nama-nama pemimpin yang berpendidikan tinggi yang menyerlah adalah Abdul Rahman Ya'akub dan Abdul Taib Mahmud. Kedua-dua pemimpin ini yang tidak mempunyai status tinggi dalam politik Sarawak seperti Datu-datu Melayu mula menonjol kerana mereka berpendidikan tinggi. Malahan Abdul Rahman Ya'akub yang bertanding dalam pilihan raya 1963 telah tewas. Oleh kerana beliau seorang yang berpendidikan, Tunku Abdul Rahman telah melantik beliau sebagai Ahli Parlimen dan Timbalan Menteri Tanah dan Galian.³ Dekad-dekad tahun 1970-an, Abdul Rahman Ya'akub membina *strongman* dalam dirinya dan menjadi pemimpin utama di Sarawak.⁴ Usaha ini termasuk membina kumpulan penyokong beliau dari kalangan peniaga Islam yang kaya.⁵

Kepimpinan beliau kemudiannya diambil alih oleh anak buahnya iaitu Abdul Taib Mahmud yang meneruskan tradisi *strongman* ini dengan berkuasa di Sarawak dari 1981 hingga 2014. Kemunculan Abdul Rahman Ya'akub dan Abdul Taib Mahmud ini membantu memperkuatkan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) untuk menguasai Sarawak sejak tahun 1970-an. Kedua-dua pemimpin ini pernah diuji dengan kemunculan golongan yang tidak berpuas hati terhadap kepimpinan kedua-dua tokoh ini. Pertama kemunculan Parti Anak Jati Sarawak (PAJAR) yang menentang kepimpinan Abdul Rahman Ya'akub.⁶ Namun demikian Abdul Rahman Ya'akub menang mengalahkan PAJAR. Manakala Sarawak di bawah kepimpinan Abdul Taib Mahmud berhadapan dengan kumpulan Maju dibawah pimpinan Abdul Rahman Ya'akub pada tahun 1987.⁷ Peristiwa ini umpama pertandingan

antara dua orang kuat yang berkesudahan dengan kemenangan di pihak Abdul Taib Mahmud yang menggunakan pengaruhnya dalam pentadbiran dan kerajaan untuk melawan kumpulan Maju. Dengan kata lain, apa yang berlaku di sini adalah keterikatan dengan jentera kerajaan membolehkan kejayaan menyebelahi Abdul Taib Mahmud. Pemerintahan Abdul Taib Mahmud selepas pilihan raya tersebut semakin kukuh dan gagal diatasi oleh mana-mana pihak. Kemunculan pelbagai parti dari Semenanjung Malaysia seperti *Democratic Action Party* (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Islam Semalaysia (PAS) gagal menggugat kedudukan Abdul Taib Mahmud. Cabaran daripada parti-parti tempatan Sarawak juga gagal menyengat seperti *State Reform Party* (STAR) dan kumpulan bebas di bawah Abang Abu Bakar iaitu bekas Menteri Pertahanan.

Pada tahun 2014, Abdul Taib Mahmud mengambil keputusan untuk bersara dari politik. Beliau kemudiannya memilih tokoh yang mampu memimpin Sarawak dan mengekalkan peranan BNS terus berkuasa.⁸ Tokoh yang dipilih adalah Adenan Satem yang merupakan ahli politik veteran yang cukup berpengalaman.⁹ Adenan Satem memegang jawatan Ketua Menteri Sarawak tidak lama kerana meninggal dunia pada 2016. Walaupun pemerintahan beliau tidak lama, namun demikian personaliti beliau membina kekuatan kepimpinan beliau. Beliau juga seorang yang cukup tegas tetapi mudah mesra membuatkan beliau popular dan dihormati oleh pihak kawan dan lawan. Kemampuan kepimpinan beliau telah diuji dengan Pilihan Raya Kecil Balingian. Dalam pilihan raya kecil itu, calon BNS menang dengan pertambahan undi yang lebih besar.¹⁰ Dalam pilihan raya tersebut juga beliau menggunakan bidang kuasa imigresen untuk menyekat pemimpin pembangkang datang ke Sarawak.¹¹ Namun demikian beliau seorang yang cukup perihatin kepada penduduk Sarawak tanpa mengira latarbelakang bangsa dan agama serta keturunan. Hal ini menyebabkan beliau disokong oleh rakyat dan dihormati oleh pihak lawan. Malahan beliau juga menggunakan kesempatan sebagai Ketua Menteri membantu sesiapa sahaja termasuk pembangkang. Dalam hal ini, beliau menekankan bahawa beliau adalah ketua menteri untuk semua rakyat Sarawak (*Chief Minister of All Sarawakians*).¹² Slogan yang beliau berikan ini menambahkan kepopularitan beliau dalam menguatkan konsep *strongman* dalam kepimpinan beliau. Sikap tegas beliau ini juga dapat mengenepikan banyak masalah dalam kompenan BNS menjelang pilihan raya negeri ke-11. Ini kerana terdapat masalah berlaku antara *Sarawak United People's Party* (SUPP) dengan *United People's Party* (UPP) dan *Sarawak Progressive Democratic Party* (SPDP) dengan parti Tenaga Rakyat Sarawak (TERAS). Kejayaan beliau meletakan keutamaan BNS membantu kemenangan besar BNS dalam pilihan raya tersebut. Namun demikian selepas beliau meninggal dunia, konsep *strongman* menjadi tanda tanya. Ini kerana Abang Johari yang mengantikan beliau gagal memberi kesan besar dalam PRU-14. BNS bukan sahaja gagal merampas kerusi pembangkang tetapi juga

gagal mempertahankan beberapa kerusi yang mereka menangi sebelum ini.

Keputusan Pilihan Raya 14 di Sarawak

Pada petang 9 Mei 2018, keputusan tidak rasmi PRU-14 di Sarawak telah diketahui. Malahan keputusan tidak rasmi ini tular di media sosial sejak petang itu lagi. Ini kerana banyak kawasan pengundian di Sarawak ditutup lebih awal. Paling awal ditutup dalam jam 12 tengahari. Hal ini membolehkan keputusan pilihan raya itu diketahui. Berita diterima dari tularnya keputusan itu adalah 12 kerusi telah dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) dan calon bebas. Manakala 19 kerusi pula dimenangi oleh BNS. Dalam hal ini, BNS hilang enam kerusi dan kesemuannya kawasan bumiputera iaitu Bidayuh dan Iban. Kerusi-kerusi ini ditunjuk pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kerusi dimenangi oleh Pembangkang di kawasan majoriti Bumiputera

No	Kerusi	Pemenang	Kersusi Majoriti (kaum)
1.	P192 MAS GADING	PH/DAP	Bidayuh
2.	P198 PUNCAK BORNEO	PH/PKR	Bidayuh
3.	P203 LUBOK ANTU	Bebas	Iban
4.	P205 SARATOK	PH/PKR	Iban
5.	P209 JULAU	Bebas	Iban
6.	P214 SELANGAU	PH/PKR	Iban

PH juga mengekalkan enam kerusi yang mereka menangi dalam PRU-13 iaitu P195 Bandar Kuching, P196 Stampin, P208 Sarikei, P212 Sibu, P211 Lanang dan P219 Miri. Walaupun BNS menang di 19 kerusi, tetapi berlaku penurunan undi diperolehi mereka di sembilan kerusi. (lihat Lampiran 1). Manakala calon-calon PH pula menunjukkan prestasi meningkat dari segi undi mereka di 25 kerusi parlimen termasuk yang dimenangi oleh mereka (lihat Lampiran 1). Hal ini menunjukkan terdapat pertambahan sokongan daripada pengundi Sarawak kepada PH. Pertambahan ini berbeza dengan undi diperolehi oleh mereka dalam Pilihan Raya Negeri ke-11 (PRN-11) yang lepas. Dalam pilihan raya negeri tersebut, rata-rata undi PH ini menurun dan undi BN meningkat dengan banyaknya serta menawan lima kerusi DAP.¹³ Hal ini menimbul satu persoalan besar mengapakah hal ini boleh terjadi? Bagi mengupas persoalan ini perlu diteliti beberapa keadaan yang membolehkan perubahan ini berlaku. Pertamanya perlu dilihat mengapakah konsep *strongman* ini gagal memacu kejayaan besar BNS? Hal ini boleh dikaitkan dengan dasar Abang Johari yang dilihat kurang relevan dalam membangunkan Sarawak.

Dasar kerajaan yang kurang menyerlah

Sejak perubahan tampuk pemerintahan dari Adenan Satem kepada Abang

Johari, rakyat Sarawak menyaksikan dua personaliti berbeza. Adenan Satem lebih melihat rakyat Sarawak secara menyeluruh dan mementingkan pembangunan luar bandar. Hal ini memberi kelebihan kepada beliau menawan hati rakyat Sarawak. Beliau cuba mengurangkan beban rakyat dengan mengurangkan tariff elektrik, menghapuskan tol, mengurangkan kadar tambang feri dan mengurangkan kadar bayaran cukai majlis perbandaran. Selain itu, dalam membangunkan Sarawak, beliau mempunyai visi untuk menghubungi setiap bandar-bandar di Sarawak dengan jalan raya. Lebuhraya Pan Borneo merupakan salah satu idea yang beliau jayakan. Manakala jambatan-jambatan berharga jutaan ringgit dibina merentangi beberapa sungai di Sarawak bagi memudahkan dan memendekkan jalan penduduk Sarawak. Beliau juga bertindak meningkatkan semangat cintakan Sarawak yang kuat dengan menuntut hak Sarawak dikembalikan. Beliau mengumumkan tarikh 22 Julai sebagai hari kelepasan am bagi Sarawak yang dikaitkan dengan pentadbiran sendiri Sarawak.¹⁴ Selain itu tingkah laku beliau yang selalu berseloroh dan berhumor dalam hampir setiap ucapan beliau menarik sokongan rakyat kepada beliau.¹⁵ Tingkah laku beliau ini menjadi viral di media maya dan amat diminati oleh penduduk Sarawak. Video beliau “Kamek anak Sarawak” banyak menyentuh hati rakyat Sarawak. Semasa berita pemergianan beliau diumumkan, ramai rakyat Sarawak tanpa mengira bangsa dan agama serta ideologi politik melahirkan kesedihan yang tidak berbelah bahagi dan hadir semasa pengkebumian beliau.

Sementara itu, penganti beliau iaitu Abang Johari mempunyai perwatakan yang berbeza. Beliau lebih memandang ke hadapan untuk memajukan Sarawak. Beliau mahu pembangunan Sarawak seiringan dengan kemajuan Revolusi 4.0. Oleh itu, penekanan beliau dalam membangunkan Sarawak selepas menjadi ketua menteri adalah memperkenalkan digital ekonomi. Beliau berharap digital ekonomi ini dapat memberi peluang kepada anak-anak muda berkecimpung dalam dunia perniagaan atas talian. Oleh itu, beliau sering mengutarakan mengenai perlunya Sarawak membangun dalam pembangunan digital ekonomi. Sejajar dengan itu Abang Johari melancarkan Lembaga Multimedia Sarawak dan Strategi Ekonomi Digital Sarawak (SMA) pada Disember 2017.¹⁶ Papan tanda memperkenalkan digital ekonomi dipacak di bandar-bandar di Sarawak bagi memberi maklum kepada penduduk Sarawak tentang dasar kerajaan terkini. Malahan semasa kempen Pilihan Raya Ke-14, papan tanda digital ekonomi masih dipacak bersama-sama papan tanda kempen pilihan raya parti bertanding. Selain itu, beliau juga mengumumkan penubuhan *Development Bank of Sarawak* dan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS). Manakala rancangan untuk bandaraya Kuching pula adalah membina *Light Rail Transit* (LRT) yang menghubungi Serian hingga ke Pantai Damai. Beliau melihat LRT akan mampu menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di bandaraya Kuching.

Walau bagaimanapun dasar yang dibawa oleh Abang Johari ini tidak menarik penduduk Sarawak. Ramai netizen mengkritik dasar Abang Johari yang dianggap tidak selari dengan keperluan yang harus dilakukan di Sarawak. Isu pembangunan masih membelenggu penduduk Sarawak. Walaupun BNS menjuarai isu pembangunan tetapi Sarawak masih lagi ketinggalan dalam pembangunan. Kemudahan asas seperti air dan elektrik serta jalan raya masih menjadi masalah besar di kawasan luar bandar Sarawak. Contohnya, isu air yang meruncing di Kabong menjadi salah satu faktor kekalahan calon BNS di Saratok. Atas sebab itu, netizen mengkritik dasar Abang Johari yang tidak ke arah membantu pembangunan rakyat Sarawak dalam mengatasi masalah asas penduduk tempatan. Isu pembangunan ini bertambah besar dengan timbulnya pelbagai lagi isu yang dikehendaki oleh rakyat seperti sekolah, klinik dan hospital. Kritikan golongan netizen juga terarah dengan rancangan pembinaan LRT di Kuching. Menurut kajian awam yang dibuat, hanya 20 peratus menyokong program tersebut dan 68 peratus pula menolak.¹⁷ Manakala penubuhan PETROS menaikkan imej Abang Johari sebagai seorang etnonasionalisme tetapi PETROS dikritik kerana tidak meletakkan wakil kaum Dayak bukan Islam dalam majlis pengarahnya.¹⁸

Idea kehadapan Abang Johari ini gagal diterima oleh penduduk Sarawak yang melihat pembangunan masih menjadi isu besar dalam pilihan raya Sarawak. Namun Abang Johari seorang yang bergitu tekad dan tidak bergenjak kepada pendirian asalnya dan percaya bahawa digital ekonomi akan memajukan rakyat Sarawak. Atas sebab itu, BNS sendiri melancarkan manifesto berteraskan digital ekonomi bertajuk “Transformasi Sarawak Melalui ekonomi digital”.¹⁹ Beliau berpendapat bahawa Sarawak harus tidak terpisah dengan kemajuan digital dunia.²⁰ Sikap tekad dan tidak mempedulikan kritikan pada dasarnya menimbul tanda tanya adakah beliau mampu membawa menarik pengundi pada pilihan raya negeri akan datang dengan dasar ini? Oleh kerana itu, usaha-usaha Abang Johari lebih daripada kehendak daripada keperluan. Atas sebab itu imej *strongman* ini mula terjejas oleh masalah ini.

Krisis dalaman BNS

Kegagalan BNS untuk mempertahankan beberapa kerusi yang mereka menangi sebelum ini juga disebabkan kerana terdapatnya isu-isu dalam parti kompenan Sarawak yang masih tidak dapat diselesaikan. Walaupun nampak damai, tetapi masih ada gelora dalaman parti-parti BNS itu sendiri. Daripada empat kompenan parti ini, PRS yang kehilangan separuh kerusi dipertandingkan oleh mereka merupakan parti yang paling bermasalah. PRS menghadapi masalah sejak pilihan negeri Sarawak lepas. Presiden PRS, James Masing tidak sehaluan dengan bekas timbalan beliau iaitu Joseph Entulu. Usaha menyingkir Joseph Entulu telah dibuat dalam pemilihan tahunan PRS tetapi gagal.²¹ Hal ini berterusan apabila dalam PRN Sarawak yang berlangsung pada tahun 2016.

Calon Joseph Entulu diketepikan dalam pemilihan calon PRS untuk PRN tersebut. Hal ini dibangkitkan oleh Tungku Balang iaitu penolong setiausaha Bahagian Tamim PRS. Beliau melihat pemilihan Chrispoter Gira sebagai calon bagi DUN Tamim mengenepikan calon Joseph Entulu.²² Akibatnya berlaku pertandingan tiga penjuru antara calon pilihan James Masing dengan calon proksi Joseph Entulu di Tamim bersama-sama seorang lagi calon PKR. Namun demikian, calon BN di Tamin menang mengalahkan proksi Joseph Entulu dan calon PKR. Pada masa itu krisis dalaman PRS tidaklah meruncing, dan ia juga dikaitkan dengan imej Adenan Satem yang memberi lonjakan undi bagi calon PRS.

Krisis dalaman PRS ini berterusan sehingga ke PRU-14. Pada saat-saat akhir pemilihan calon PRS untuk bertanding dalam PRU-14, James Masing memecat Joseph Entulu dan William Nyalau Badak serta tiga ahli Majlis Tertinggi PRS. Joseph Entulu dan Nyalau Badak adalah penyandang kerusi Selangau dan Lubok Antu masing-masing. Pemecatan mereka menurut James Masing kerana mengingkari keputusan parti untuk meletak nama-nama calon PRS bertanding dalam PRU-14.²³ Namun demikian Joseph Entulu dan Nyalau Badak tidak bertanding dalam PRU kali ini. Kedua-dua mereka mempunyai pengaruh kuat di kawasan masing-masing. Di Selangau, terdapat poster bantahan di Pekan Stapang dari Gabungan NGO Selangau yang tidak menyokong tindak tanduk James Masing yang menyingsirkan Joseph Entulu. Akibatnya, calon pilihan James Masing di Selangau dan Lubok Antu dikalahkan oleh calon PKR dan calon bebas masing-masing. Sementara itu, sokongan kuat kepada William Nyalau Badak dapat dilihat dalam lawatan beliau ke Kompleks Sukan Lubok Antu pada Mac 2018. Seramai lebih dari 4,000 orang hadir pada perjumpaan itu dan memberi tanda sokongan untuk William Nyalau Badak dicalonkan semula di Lubok Antu. Dalam ucapan ketua masyarakat, Michael Derin Empaga menyatakan, “*For us, he had done his job very well and excellently and very close to the people especially the voters. He always goes down every weekend and understands the people's needs well*”.²⁴ Tambah memburukkan prestasi PRS ialah kekalahan mengejut Joseph Salang di tangan calon bebas iaitu Larry Sng di Julau. Kisah Larry Sng juga berkait rapat dengan krisis awal PRS yang mempunyai dua presiden iaitu Larry Sng dan James Masing. Namun demikian James Masing diiktiraf sebagai presiden oleh Pendaftar Pertubuhan. Selepas itu, Larry Sng menubuh SWP tetapi gagal untuk mengatasi kekuatan PRS. Kes-kes di Selangau, Lubok Antu dan Julau menunjukkan bantahan penduduk tempatan kepada kepimpinan PRS yang tidak mendengar suara dari akar umbi. Manakala kerusi lain PRS berjaya dikekalkan kerana tiada bantahan seperti berlaku di tiga kawasan tadi.

Sementara itu, SUPP juga menghadapi masalah apabila munculnya kumpulan serpihan SUPP yang menubuh UPP pada tahun 2014.²⁵ UPP dipimpin oleh salah seorang pemimpin berpengaruh dari Sibu iaitu Wong Soon Koh. Namun demikian Wong Soon Koh tidak disenangi oleh kepimpinan SUPP

tetapi tidak bermasalah dengan kerajaan negeri dan BN pusat. SUPP telah menghalang UPP untuk menyertai BN. Hal ini membawa masalah kepada kepimpinan Adenan Satem ketika itu untuk menyelesaikan krisis kedua-dua parti. Wong Soon Koh masih diberi kepercayaan untuk menyertai kabinet negeri. Bagi menyelesaikan masalah ini, Adenan Satem mengutarkan formula calon langsung bagi membolehkan calon-calon UPP bertanding atas tiket BNS. Formula ini nampak berkesan dan membolehkan BNS menang besar di dalam PRN tersebut. Namun demikian, formula ini ditolak oleh SUPP termasuk PDP pada PRU-14. Wong Soon Koh melobi anak beliau Andrew Wong bertanding di Sibu dalam PRU-14. Manakala SUPP mencalonkan Robert Lau Jr. sebagai calon di kerusi tersebut. Masalah di Sibu ini diselesaikan oleh Abang Johari dengan persefahaman antara SUPP dan UPP dengan syarat Richard Wong menjadi ahli SUPP.²⁶ Penyelesaian ini tidak memadai kerana semasa kempen PRU-14, SUPP dikatakan tidak membantu Andrew Wong. Kempen SUPP banyak terarah kepada Kelvin Kong iaitu calon SUPP di Lanang. Keputusan PRU-14 memberi kemenangan kepada DAP di Sibu dan Lanang.

PDP juga menghadapi masalah sejak bekas presidennya William Mawan menubuh parti TERAS.²⁷ Seperti juga kes berlaku di SUPP dalam PRN-14, PDP menolak sebarang usaha meletak calon langsung dalam PRU-14. Semasa PRN lepas, banyak kerusi PDP diwakili oleh calon langsung termasuk kerusi DUN Pakan oleh William Mawan. William Mawan juga adalah penyandang kerusi parlimen Saratok. Hal ini membawa dilema kepada BNS untuk mengekalkan beliau menerusi calon langsung atau menukar kepada calon PDP. Saratok merupakan kerusi PDP. Apabila penyandangnya Jelaing Mersat dari PDP tidak mempertahankan kerusi tersebut, William Mawan mengisi kekosongan kerusi tersebut.²⁸ Presiden PDP iaitu Tiong King Sing menolak pencalonan semula William Mawan kerana beliau bukan ahli PDP lagi. Pemintaan Tiong King Sing ini diterima oleh pihak BNS. Muka baharu telah diletak di Parlimen Saratok iaitu Subeng Mula. Manakala lawan beliau ialah ahli DUN Krian iaitu Ali Biju. Ali Biju yang berjaya mempertahankan kerusi Krian pada tahun 2016 merupakan calon berwibawa. Namun demikian Ali Biju gagal menawan Saratok pada Pilihan Raya Ke-13 apabila tewas oleh William Mawan. Usaha menukarkan Willian Mawan yang dianggap calon mampu menang memberi kelebihan kepada Ali Biju. Beliau yang berpengalaman selama lima tahun di Krian dan tahu selok belok politik Saratok dengan mudah menewas Subeng Mula. Masalah air di Kabong membawa pengundi di Kabong mengundi Ali Biju. Sementara itu calon PDP di Mas Gading iaitu Anthony Nogeh Gumeck pula mengalami kekalahan mengejut. Banyak penganalisis mengatakan bahawa beliau mampu menang tetapi pada pilihan raya kali ini beliau tumpas. Kekalahan calon PDP ini bukan dikaitkan masalah dalaman tetapi lebih kepada masalah di parlimen tersebut. Calon DAP iaitu Mordi anak Bimol yang pernah kalah di tangan Anthony Nogeh Gumeck mula mendapat undi bantahan dari penduduk parlimen tersebut kerana

terdapat penduduk yang tidak berpuas hati dengan calon BN tersebut yang tidak menunaikan janjinya.²⁹

Walaupun PBB dianggap sebagai parti yang paling kuat dalam BNS tetapi ia juga bermasalah apabila memilih calon penganti. Hal ini jelas berlaku apabila peringkat akar umbi PBB menolak beberapa calon yang tidak disukai oleh ahlinya. Hal ini berlaku di Puncak Borneo dan Mukah. Penyandang kerusi Puncak Borneo, James Dawos Mamit mengumumkan bahawa beliau tidak akan mempertahankan kerusi tersebut kerana alasan kesihatan. Di Puncak Borneo, terdapat 20 nama mempunyai potensi untuk mewakili BN di Puncak Borneo.³⁰ James Dawos Mamit memilih kepada dua calon iaitu Siang Prede dan Detta Samen. Kedua-duanya merupakan orang rapat kepada James Dawos Mamit.³¹ Namun demikian pilihan James Dawos Mamit tidak dipilih. Sebaliknya, calon yang dipilih adalah Genot Sinei. Genot Sinei pula dituduh terlibat dalam mengambil tanah adat (NCR) di sebuah kampung, di Puncak Borneo walaupun hal ini dinafikan oleh beliau.³² Pada akhirnya, keputusan di Puncak Borneo menyebelahi PKR. Dengan kata lain, PBB kehilangan satu kerusi. Manakala calon PBB di Mukah mengantikan Leo Michael Toyad adalah anak bongsu bekas Ketua Menteri Abdul Taib Mahmud iaitu Hanifah Taib. Beliau menghadapi tantangan dari dalaman PBB. Ini kerana beliau bukannya calon yang disokong oleh akar umbi. Terdapat empat nama lain yang dianggap lebih layak bertanding iaitu dua daripadanya ialah pegawai kerajaan kanan berkelulusan PHD iaitu Anthony Valentine Laiseh dan Sulaiman Hussein. Dua lagi nama adalah Maliki Mahli dan Paul Drus.³³ Walaupun Hanifah Taib berjaya mengekalkan kerusi Mukah tetapi undi yang beliau perolehi berkurangan dan undi lawannya iaitu calon PKR pula meningkat (lihat lampiran 1). Penurunan ini menunjukkan adanya bantahan daripada akar umbi PBB sendiri. Secara umumnya, apa yang berlaku pada BNS seumpama rumah siap tapi pahat berbunyi. Abang Johari dilihat gagal memain peranan untuk mendisiplinkan pemimpin BNS yang lebih menumpukan kepada kepentingan kumpulan daripada kepentingan BNS. Dalam hal ini konsep *strongman* menjadi tidak relevan apabila Abang Johari gagal menangani kerena kepimpinan kompenan dalam BNS.

Penaung-dinaung

Selain itu, BNS masih percaya kepada konsep penaung-dinaung akan memberi sokongan kuat kepada mereka. Hal ini boleh dilihat dalam kempen BNS dalam pilihan raya ini yang dikaitkan bahawa hanya BNS mampu memberi pembangunan. Isu pembangunan ini merupakan salah satu lagi aspek penting yang membawa kepada keyakinan BNS untuk menang besar. Manakala pembangkang hanya dianggap banyak beretorik dan tidak mampu untuk membangunkan Sarawak. Sekian lama, BN dianggap sebagai agen pembangunan negeri Sarawak kerana telah melakukan pelbagai usaha untuk

membangunkan Sarawak. Sejak merdeka sehingga kini, Sarawak telah berubah dari sebuah negeri yang mundur kepada negeri yang membangun. Rancangan pembangunan ini telah dijayakan sejak merdeka. Pada tahun 1980-an, Abdul Taib Mahmud telah membawa agenda politik pembangunan.³⁴ Atas sebab itu, Sarawak telah membangun pesat dengan adanya bangunan konkrit, pesatnya pembangunan industri kelapa sawit dan minyak, terdirinya pendidikan moden dan berkembangnya perubatan moden serta munculnya gaya hidup berkomunikasi maya.

Idea ini diteruskan dalam dalam setiap pilihan raya termasuk dalam PRU-14. Dalam kempen PRU ini, calon BNS di Stampin iaitu Sim Kui Hian menjadikan isu ini menjadi salah satu keutamaan beliau. Di kawasan pilihan raya Stampin terpapar pesanan kepada pengundi bahawa beliau akan berjanji membangunkan Stampin seperti memperbanyak rumah PR1MA, 5,000 unit rumah mampu milik, pembiayaan mikro bagi usahawan muda, pembinaan pejabat daerah baharu dan tembingan Batu Kawah. Manakala calon BNS bagi Sarikei iaitu Huang Tiong Sii pula menyatakan dalam papan tanda kempennya dengan slogan “Sokong Calon BN untuk pembangunan berterusan”. Dalam hal ini, isu pembangunan memang menjadi isu utama dalam kempen pilihan raya di Sarawak. Manakala BNS pula adalah sinonim dengan pembangunan. Rakyat Sarawak pula tidak menafikan hal ini apabila menjelang pilihan raya. Atas sebab ini, isu pembangunan dilaungkan sebagai kempen penting dalam PRU-14. Abang Johari yang menjalankan kempen di Sarawak mengumumkan beberapa projek pembangunan. Dalam salah satu upacara pecah tanah sekolah di Lanang, Abang Johari mengingatkan pengundi Lanang bahawa, “*if BN SUPP candidate for Lanang Kelvin Kong wins the election, it will make it so much easier for him to get funds for the school, being an MP. . . he win he can get minor project (MRP) funds for the school, and the state government will also help in its development.*”³⁵ Ingatan beliau ini memberi petunjuk bahawa kerajaan akan membantu pengundi jika calon BNS menang. Malahan beliau menegaskan kepada pengundi Lanang bahawa kerajaan akan membantu pembinaan Kuil Nan Hai Pu Tuo jika calon BNS terpilih.³⁶ Abang Johari bukan setakat memberi janji malah turut mengumumkan peruntukan untuk pembangunan. Salah satu contoh yang ketara adalah Abang Johari mengumumkan bantuan sebanyak RM3 juta untuk menaik taraf Pasar Sibu termasuk bahagian tamu.³⁷ Di Sibu Jaya pula, Abang Johari mengumumkan peruntukan sebanyak RM60 juta untuk membina jalan sepanjang enam kilometer dari Sibu Jaya ke Lanang. Manakala rumah ibadah orang Islam, dewan besar dan memperkasakan perpustakaan dengan sambungan talian internet juga diumumkan oleh Abang Johari.³⁸ Manakala lawatan beliau di Selangau pula, beliau mengumumkan peruntukan sebanyak RM56 juta untuk membangunkan Bazar Selangau.³⁹

Nada sama juga dilaungkan oleh Ahli Dewan Undangan Sarawak bagi Telang Usan iaitu Dennis Ngau yang berkempen untuk calon BNS untuk kerusi

Baram. Beliau berkata bahawa 90 peratus janji BN telah ditunaikan untuk penduduk Baram. Oleh itu beliau menyatakan bahawa, “*this is an indication that the BN has always been committed in holding on to its promise and it is vital for people of Baram to continue their support for BN to ensure continuous development here.*”⁴⁰ Kata-kata Dennis Ngau ini masih menunjukkan pegangan lama berdasarkan konsep penaung-dinaung. Hal ini diulang-ulang beliau dengan menyatakan bahawa, “*we have no choice if we wish to have a better life except to vote for Anyi, a candidate from the Barisan Nasional which is certainly able to bring more progress and development here.*”⁴¹ Laungan BN sebagai agen pembangunan berterusan semasa kempen BNS di Miri. Calon BN di Miri iaitu Sebastian Ting meneruskan retorik lama dengan menyatakan bahawa, “*every vote counts and your continued support will ensure that the BN will return to power and bring more development to Miri and its people.*”⁴² Timbalan Menteri Sarawak iaitu Awang Tengah pula menjelaskan lagi apa itu konsep penaung- dinaung dalam konteks BNS sebagai agen pembangunan. Ini kerana mereka mempunyai bantuan daripada kerajaan iaitu Geran Projek Kecil Luar Bandar (MRP). Secara individu pun, calon BNS mampu memberi pembangunan kepada kawasan mereka. Hal ini tidak dimiliki oleh calon pembangkang walaupun mereka menang dalam pilihan raya.⁴³

Jelas dalam hal ini menunjukkan bahawa pembangkang tidak mempunyai apa-apa yang mampu mereka lakukan untuk membangunkan penduduk Sarawak. Kenyataan Awang Tengah mengesahkan bahawa apa juga keadaan yang berlaku, hanya BN satu-satunya agen pembangunan dan bukan pembangkang. Logiknya bagi pengundi dalam memahami retorik ini bahawa pembangkang akan membawa kemunduran. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat terikat kepada kerajaan memerintah dalam konsep ‘politik minta’.⁴⁴ Hasilnya ia membawa kepada konklusi bahawa BN adalah penaung kepada pembangunan dan pembangkang pula disinonimkan sebagai kemunduran. Isu pembangunan ini seringkali memberi kemenangan kepada Barisan Nasional Sarawak. Namun demikian retrorik lama ini mula hilang kuasanya. Sebahagian pengundi Sarawak mula menolak retorik ini dan tidak lagi melihat retorik ini sebagai keramat. Mereka mula keluar dari tradisi untuk memangkah pembangkang.

Etnonasionalisme yang tidak menjadi

Salah satu lagi perkara yang dijadikan isu dalam pilihan raya kali ini di Sarawak adalah isu hak Sarawak. Isu ini merupakan kesinambungan yang dilaungkan oleh BNS sejak PRN-11. Pada PRN-11, isu ini mengikat penduduk Sarawak ke arah sentimen kenegerian atau etnonasionalisme. Dalam hal ini, Sim Kui Hian menjadikan isu ini sebagai salah satu agenda kempen beliau. Papan tanda pilihan raya beliau menunjukkan pelbagai janji untuk rakyat Sarawak. Dalam satu kenyataan dibuat oleh ahli kanan SUPP, Chang Chiaw Yam semasa

dalam sidang akhbar bersama Dr. Sim Kui Hian menyatakan bahawa, “*what's important for Sarawak is to get back the state's rights and the people's strong support is necessary and crucial to help our leaders achieve this*”⁴⁵ Malahan Sim Kui Hian mahu Sarawak lebih kuat dan menuntut agar satu pertiga kerusi parlimen diperuntukkan kepada Sarawak dan Sabah. Dalam hal ini, Sim Kui Hian menyatakan rasionalnya hal ini dikaitkan dengan kekuatan kedua-dua negeri ini ialah untuk mengelak dominasi pihak dari Semenanjung Malaysia dalam mengubah perlumbaan. Dalam kata lain, kedua-dua negeri ini mampu menjadi *kingmaker* dan boleh berkata tidak kepada *United Malays National Organization* (UMNO).⁴⁶ Usaha ini cuba diuar-uar oleh Sim Kui Hian bagi mempertahankan kritikan DAP yang menyatakan SUPP tunduk kepada UMNO.

Sementara itu, isu hak Sarawak ini disulami dengan kritikan kepada kepimpinan terdahulu khususnya Mahathir Mohamad yang memimpin PH. Mahathir yang memerintah selama 22 tahun dilihat sebagai orang yang tidak memberi banyak pembangunan dengan Sarawak jikalau dibandingkan dengan Najib Razak. Hal ini dinyatakan oleh calon BNS bagi Kapit Alexander Nanda. Kenyataan beliau tentang Mahathir menyatakan bahawa:

*Mahathir never visited Kapit, he only focused on big cities like Kuala Lumpur, building Twin Tower costing billions of ringgit. But Najib approved the Jalan Kapit-Song-Kanowit with six months after becoming prime minister. He Visited Kapit thrice to announce project.*⁴⁷

Beliau juga mengkritik pemimpin de-facto PKR iaitu Anwar Ibrahim semasa memegang jawatan Menteri Kewangan. Pada pendapat beliau, Anwar Ibrahim tidak menghiraukan pembangunan di Kapit. Beliau menambah Anwar Ibrahim hanya memberi beberapa ribu ringgit untuk membaiki jalan ke Rumah Bundung, Bukit Goram.⁴⁸ Selain beliau, calon BN Serian iaitu Richard Riot juga senada dengan Alexander Nanda yang menyatakan bahawa “*... , during his 22 years as prime minister, Dr Mahathir has not even set foot in Serian, what more to say Kampung Piching.*”⁴⁹ Richard Riot membandingkan pemerintahan Najib Razak yang banyak membantu Serian dan pernah datang ke Serian sebanyak enam kali termasuk ke Kampung Piching di Serian. Beliau menambah Najib Razak telah melawat Sarawak sebanyak 66 kali. Beliau juga mengingatkan pengundi Serian untuk menjauhi parti-parti dari Semenanjung Malaysia yang mempunyai budaya berbeza dengan penduduk Sarawak. Oleh itu beliau menyarankan agar parti semenanjung yang dituju kepada DAP tidak bertapak di Serian.⁵⁰

Konsep etnonasionalisme ini walaupun wadah penting bagi Adenan Satem tetapi tidak kepada Abang Johari. Ini kerana usaha cuba memperkuatkan konsep *strongman* tidak dapat dijayakan. Hal ini jelas ditunjukkan di kawasan

bandar yang rata-rata mengenegahkan isu ini oleh BNS seperti dijelaskan di atas. Namun demikian pengundi tidak melihat isu itu sebagai keutamaan kerana PH juga memperjuangkan perkara yang sama. BNS mendapat kritikan daripada PH mengenai isu hak Sarawak dengan menyatakan selama 55 tahun BN memerintah, BNS telah mengakis hak Sarawak. Malahan ahli-ahli BNS jugalah yang dituduh oleh pembangkang sebagai memperakui perjanjian dengan Petronas pada tahun 1974. Hal ini menyebabkan isu ini gagal diurus baik oleh BNS apabila berdepan dengan pengundi. Namun demikian isu ini tidak begitu penting apabila dikaitkan di kawasan luar bandar yang memerlukan kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan. Oleh itu, penduduk luar bandar mahukan agar isu ini diselesaikan daripada mendengar isu hak Sarawak yang mereka kurang jelas manfaatnya kepada mereka sendiri. Manakala tindakan mengecam Mahathir pula bersifat anti-tesis kerana pemimpin BNS cuba melawan tokoh pusat yang telah lama berjasa kepada pembangunan Malaysia. Malahan pengundi tidak melihat hal ini sebagai perlu diambil kira dalam keputusan pilihan raya.

Kesimpulan

Dalam melihat semula perjalanan PRU-14 di Sarawak, ia jelas menunjukkan bahawa konsep *strongman* dan penaung-dinanung gagal membantu kejayaan BNS dengan cemerlang. Tindakan BNS yang begitu yakin membawa masalah apabila PH berjaya meraih sokongan pengundi bumiputera. Hal ini berkait dengan pelbagai perkara yang menyebabkan BNS merasa amat selesa dan meyakini yang mereka tidak akan dapat diganggu-gugat dalam pilihan raya ini. Pengalaman lepas membuktikan bahawa BNS tetap menang dengan berbekalkan konsep *strongman* dan penaung-dinaung. Kewujudan jentera kerajaan pusat dan negeri juga akan terus membantu mereka membolehkan mereka terus berjaya dalam pilihan raya ini. Manakala rakyat juga akan terhutang budi dan sekurang-kurangnya akan mengundi BNS kerana BNS sahaja mampu memberi pembangunan. Rasa dinaungi ini membolehkan pengundi lebih selesa dan selamat di bawah BNS terutama di kawasan pedalaman. Namun demikian, hal ini tidak menjadi di beberapa kawasan bumiputera. Mereka menolak BNS kerana pelbagai isu tempatan. Manakala BNS pula masih berpegang kepada kepercayaan bahawa siapa juga mereka akan calonkan akan menang. Pengundi pula menunjukkan bahawa mereka mempunyai kuasa atas ke kerajaan bukan sebaliknya. Oleh itu, “peranan rakyat sebagai raja” mula terserlah dalam PRU-14 di Sarawak kali ini. Hal ini menjadi satu peringatan kepada BNS (sekarang ini Gabungan Parti Sarawak – GPS) untuk menilai strategi yang perlu mereka atur dalam pilihan raya negeri akan datang.

Nota Akhir

1. Lockard, “Parties, Personalities and Crisis Politics in Sarawak, 1967, hlm. 115.
2. Faizal S. Hazis, “State Formation and strongmen politics”, 2013, hlm.35.
3. Leo Moggie, *From Longhouse to Capital*, 2018, hlm. 208.
4. Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak 1959-1972*., 2018, hlm. 204.
5. Leigh, “Sarawak at the Polls”, 1980, hlm.244.
6. Alli Kawi, *It Has Been worth the Pain*. 2009, hlm.175.
7. Neilson Ilan Mersat, “Perubahan Politik Masyarakat Dayak”, 1994, hlm.106.
8. Sinyang & Farhana Joni, Taib Mahmud sah letak jawatan, 2014.
9. Ruekeith & Lian Cheng, It’s Adenan: Tain Steps down on Feb 28, names Special Functions Minister as his successor, 2014.
10. Harde Effendi Yaacob, Mohd. Roji Kawi, Akhmarudidin Ahmat & Amy Soneta, BN Kekal DUN Balingian, 2014.
11. “Sekat pemimpin KEADILAN masuk Sarawak bermotif politik jahat”, *Suara Keadilan*, 1 April 2014, hlm.12.
12. Ruekeith & Sibon, Chief Minister to all Sarawakinas: Adenan pledges to represent everyone in the state, retain members of present state cabinet, 2014.
13. “‘Adenan Fever’ led to capture of five seats from DAP”, *New Straits Time*, 8 May 2016, hlm.18.
14. Suffian Bin Mansor, “Mencari Hari Merdeka: Semangat Merdeka Anak Sarawak Di Ambang Pembentukan Malaysia”, 2017, hlm.169.
15. Ruekeith & Sibon, 2014, Chief Minister to all Sarawakinas: Adenan pledges to represent everyone in the state, retain members of present state cabinet.
16. Sinyang, Sarawak lancar Strategi Ekonomi Digital, SMA, 2017.
17. “Survey Awam: Hanya 20% Setuju Dengan Projek LRT Di Kuching”, *Ilovekch*, 13 Jun 2018, <https://www.ilovekch.com/ourlocalstory/survey-awam-hanya-20-setuju-dengan-projek-lrt-di-kuching/> [12 Ogos 2018].
18. “Don’t delay naming non-Muslim Dayak to Petros’ board, Sarawak CM urged”, *Free Malaysia Today*, 14 Disember 2017. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/12/04/dont-delay-naming-non-muslim-dayak-to-petros-board-sarawak-cm-urged/> [2 Julai 2018].
19. Muller Asen, BNS lancar manifesto berpaksikan ekonomi digital, 2018.
20. Asmah Adenan, Sarawak teruskan ekonomi digital demi masa depan

- Abang Johari, 2018.
21. Razif Yusuf, Entulu Kekal Jawatan Timbalan Presiden PRS Tewaskan Salang, 2016.
22. “PRS Tamin Division unhappy with choice of Gira as candidate for Tamin”. *The Borneo Post*, 3 Februari 2016, <http://www.theborneopost.com/2016/02/03/prs-tamin-division-unhappy-with-choice-of-gira-as-candidate-for-tamin/>.
23. “Timbalan Presiden, Naib Presiden PRS dipecat daripada parti”. *Astro Awani*, 23 April 2018, <http://www.astroawani.com/berita-politik/timbalan-presiden-naib-presiden-prs-dipecat-daripada-parti-173595> [5 Mei 2018].
24. “Nyalau receive overwhelming support at Lubok Antu gathering”, *The Borneo Post*, 21 Mac 2018, hlm. 8.
25. Ruekeith, A New beginning: Wong Soon Koh to lead newly-formed United People’s Party (UPP), 2014.
26. “Soon Koh: Andrew Joining SUPP one of the conditions stated in UPP-SUPP MoU”. *The Dayak Daily*, 25 April 2018, <https://dayakdaily.com/soon-koh-andrew-joining-supp-one-of-the-conditions-stated-in-upp-supp-mou/> [12 September 2018].
27. Ulau, Silong & Asila Amirah, Teras Parti Baharu, 2014.
28. “Mawan Berazam terus atasi masalah rakyat”, *Utusan Sarawak*, 17 April 2013, hlm. 2.
29. “Perebutan Kerusi Mas Gading semakin sukar diramal”. *Utusan Borneo*, 5 Mei 2018. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/05/perebutan-kerusi-parlimen-mas-gading-semakin-sukar-diramal> [11 Ogos 2018].
30. “At least 20 aspiring to be BN Candidate in Puncak Borneo”, *The Borneo Post*, 9 November 2017. <http://www.theborneopost.com/2017/11/09/at-least-20-aspiring-to-be.bn-candidate-in-puncak-borneo/> [10 September 2018].
31. Dayang Norfaizah, 5 calon berpotensi BN bersaing di Puncak Borneo, bakal ditentang PKR dan PBDS, 2017.
32. Jacob Achoi, Jeannoth cleared of land grab allegation, 2018.
33. “Taib Mahmud’s daughter faces resistance over Mukah candidacy”, *Free Malaysia Today*, 16 April 2018. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/04/16/taib-mahmuds-daughter-faces-resistance-over-mukah-candidacy/> [9 Julai 2018].
34. R. Palan & Sabariah Putit, *People Development: A Leader’s Journey in the Transformation of Sarawak – Taib Mahmud*, 2010, hlm.53.
35. Moh, Abang Jo: RM1 million fund for school development project to provide conducive place for learning, *The Borneo Post*, 3 Mei, 2018, hlm.4.
36. Tan, CM pledges RM1.5 million for construction of temple, *The*

- Borneo Post, 4 Mei, 2018, hlm. 2.
37. Ibid.
38. Ibid.
39. Lim How Pim, 28 of 31 seats within reach, 2018, hlm.1.
40. “Ting claims positive response to BN Miri campaign”, *The Borneo Post*, 4 May 2018, hlm.16.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. Boon, Rally behind BN, Awg Tengah urges Sibu KRT members, *The Borneo Post*, 4 Mei, 2018, hlm.7
44. Abang Yusuf Puteh, *Malay Politics & Perabangan*, 1999, hlm.26.
45. Bong, 2018, SUPP senior members urge voters to focus on real issues.
46. “State BN kingmaker if it wins all 31 seats, say Dr Sim”, *The Borneo Post*, 4 May 2018, hlm.3.
47. Ling, 2018, BN reps responsible people-Nanta.
48. Ibid.
49. Peter Sibon, 2018, Shut out DAP presence in Serian, Riot urges campaign team..
50. Ibid.

Rujukan

- Abang Yusuf Puteh. 1999. *Malay Politics & Perabangan*. Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd.
- Alli Kawi. 2009. *It Has Been worth the Pain*, Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Asen, Muller. 2018. BN Sarawak lancar manifesto berpaksikan ekonomi digital. *Kosmo Online*, 9 April, <http://www.kosmo.com.my/negara/bn-sarawak-lancar-manifesto-berpaksikan-ekonomi-digital-1.645351> [12 Ogos 2018].
- Asmah Adenan. 2018. Sarawak teruskan ekonomi digital demi masa depan –Abang Johari, <https://sarawakvoice.com/2018/08/08/sarawak-teruskan-ekonomi-digital-demi-masa-depan-abang-johari/> [12 Ogos 2018].
- Awang Azman Awang Pawi. 2014. “Sistem Kaukus dan Ketua Menteri Sarawak Kelima”. Dalam Awang Azman Awang Pawi (pnyt.), *Wajah Melayu Sarawak: Rampaian Ilmu Budaya*, Kota Samarahan: Yayasan Sarawak dan Institut Pengajian Asia Timur.
- Bong. K. 2018. SUPP senior members urge voters to focus on real issues. *The Borneo Post*, 2 May.
- Boon, P. 2018. Rally behind BN, Awg Tengah urges Sibu KRT members. *The Borneo Post*, 4 May.
- Dayang Norfaizah. 2017. 5 calon berpotensi BN bersaing di Puncak Borneo,

- Sarawak dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Cabaran Kepada Konsep *Strongman* dan Penaung-dinaung bakal ditentang PKR dan PBDS. *Sarawak Voice*, 12 Disember, <https://sarawakvoice.com/2017/12/12/5-calon-berpotensi-bn-bersaing-di-puncak-borneo-bakal-ditentang-pkr-dan-pbds-baharu/> [11 Ogos 2018].
- Fairus Mohd. 2016. DAP. PKR gagal sepakat. *Sinar Harian*. 26 April.
- Faizal S. Hazis, 2013. “State Formation and strongmen politics”. Dalam Faisal S. Hazis & Stanley Bye Kadam Kiai, *Politics and local government in Sarawak*, Kota Samarahan: Penerbit UNIMAS.
- Harde Effendi Yaacob. Mohd. Roji Kawi, Akhmarudin Ahmat & Amy Soneta. 2014. BN Kekal DUN Balingian. *Berita Harian*, 3 Mac.
- Jacob Achoi. 2018. “Jeannoth cleared of land grab allegation”. *The Sunday Post*, 6 Mei.
- Leigh, M. 1980. “Sarawak at the Polls”. Dalam Harold Crouch, Lee Kam Hing dan Michael Ong. *Malaysian Politics and the 1978 General Election*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Leigh, M. 2018. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak 1959-1972*. Petaling Jaya: SIRD.
- Leo Moggie. 2018. *From Longhouse to Capital*. Kuala Lumpur: MPH.
- Lim How Pim. 2018. 28 of 31 seats within reach. *The Borneo Post*, 6 Mey.
- Ling, J. 2018. “BN reps responsible people-Nanta”. *The Borneo Post*, 2 May.
- Lockard, C.A. 1967. “Parties, Personalities and Crisis Politics in Sarawak”. *Journal Southeast Asia History*, 8 (1), 11-121.
- Moh, J. 2018. Abang Jo: RM1 million fund for school development project to provide conducive place for learning. *The Borneo Post*, 3 May.
- Neilson Ilan Mersat. 1994. “Perubahan Politik Masyarakat Dayak” Dalam Ahmad Nidzammudin Sulaiman et. al., *Politik Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.
- R. Palan & Sabariah Putit. 2010. *People Development: A Leader's Journey in the Transformation of Sarawak – Taib Mahmud*,” Kuala Lumpur: SMR HR Group Sdn. Bhd.
- Razif Yusuf. 2016. Entulu Kekal Jawatan Timbalan Presiden PRS Tewaskan Salang. *Klxpress*, 24 Oktober, <http://klxpress.com.my/sarawak/19232-entulu-kekal-jawatan-timbalan-presiden-prs-tewaskan-salang.html> [11 Ogos 2018].
- Ruekeith, G.O & Lian Cheng. 2014. “It’s Adenan: Tain Steps down on Feb 28, names Special Functions Minister as his successor”, *The Borneo Post*, 13 February.
- Ruekeith, G.O & Sibon, P. 2014. “Chief Minister to all Sarawakians: Adenan pledges to represent everyone in the state, retain members of present state cabinet”, *The Borneo Post*, 15 February.
- Ruekeith, G.O. 2014. “A New beginning: Wong Soon Koh to lead newly-formed United People’s Party (UPP)”, *The Borneo Post*, 18 July.
- Sibon, P. 2018. Shut out DAP presence in Serian, Riot urges campaign team.

- The Borneo Post, 4 May.
- Sinyang, A. & Farhana Joni. 2014. Taib Mahmud sah letak jawatan. *Mingguan Malaysia*, 9 Februari 2014, h.4.
- Sinyang, A. 2017. Sarawak lancar Strategi Ekonomi Digital, SMA. *Utusan Online*, 14 Disember, <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/sarawak-lancar-strategi-ekonomi-digital-sma-1.572282>, [12 Ogos 2018].
- Suffian Mansor. 2017. "Mencari Hari Merdeka: Semangat Merdeka Anak Sarawak Di Ambang Pembentukan Malaysia". *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 4, 167-180.
- Suffian Mansor. 2016. "Pakatan Politik Berasaskan Kaum: Kerelevan dan Kelangsungan Jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak (1963-2016). *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 43 (2), 100-123.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2013. Laporan Pilihan Raya Umum Ke-13.
- Tan, R. 2018. CM pledges RM1.5 million for construction of temple. *The Borneo Post*, 4 Mei.
- Ulau, C., Silong, F. & Asila Amirah. 2014. Teras Parti Baharu. *Utusan Sarawak*, 16 Mei.

Nota Biografi

Suffian Bin Mansor (PhD) (smansor@ukm.edu.my) adalah pensyarah kanan di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang sejarah terutama China Moden dan Sarawak. Beliau banyak membuat penyelidikan tentang politik Sarawak.

Awang Azman Bin Awang Pawi (PhD) (awangazman@um.edu.my) adalah Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang sosio-budaya Melayu dan politik Malaysia. Beliau sering dijemput oleh pihak media untuk memberi ulasan tentang politik Malaysia.

Lampiran

Lampiran 1: Prestasi Undi Calon-Calon BN Dan Pembangkang Dari Aspek Undi

Kerusi	Calon Menang	Perubahan Undi	
		BN	PH/PAS/BEBAS
P192 MAS GADING	PH/PKR	1482 (↑)	7478 (DAP) (↑)
P193 SANTUBONG	BN/PBB	1724 (↑)	3125 (AMANAH) (↑)
P194 PETRA JAYA	BN/PBB	1255 (↓)	5173 (PKR) (↑)
P195 BANDAR KUCHING	PH/DAP	2084 (↑)	18415 (DAP) (↑)
P196 STAMPIN	PH/DAP	4154 (↓)	8603 (DAP) (↓)
P197 KOTA SAMARAHAN	BN/PBB	868 (↑)	1277 (PKR) (↑)
P198 PUNCAK BORNEO	PH/PKR	5601 (↓)	8125 (PKR) (↑)
P199 SERIAN	BN/SUPP	1949 (↓)	1277 (PKR) (↑)
P200 BATANG SADONG	BN/PBB	931 (↑)	137 (PKR) (↓)
P201 BATANG LUPAR	BN/PBB	1421 (↓)	2641 (PKR) (↓)
P202 SRI AMAN	BN/PRS	1973 (↑)	2703 (PKR) (↑)
P203 LUBOK ANTU	Bebas	3503 (↓)	1412 (PKR) (↑)
P204 BETONG	BN/PBB	2959 (↓)	787 (PKR) (↓)
P205 SARATOK	PH/PKR	741 (↓)	2325 (PKR) (↑)
P206 TANJONG MANIS	BN/PBB	1133 (↓)	1157 (AMANAH) (↑)
P207 IGAN	BN/PBB	1421 (↓)	296 (AMANAH) (↑)
P208 SARIKEI	PH/DAP	1 (↓)	2064 (DAP) (↑)
P209 JULAU	Bebas	1717 (↓)	6164 (Bebas) (↑)
P210 KANOWIT	PH/PRS	1506 (↑)	236 (PKR) (↑)
P211 LANANG	PH/DAP	2624 (↓)	3292 (DAP) (↑)
P212 SIBU	PH/DAP	1578 (↓)	7003 (DAP) (↑)
P213 MUKAH	BN/PBB	1130 (↓)	4639 (PKR) (↑)
P214 SELANGAU	PH/PKR	1298 (↓)	6743 (PKR) (↑)
P215 KAPIT	BN/PBB	856 (↑)	108 (DAP) (↑)
P216 HULU RAJANG	BN/PRS	2717 (↑)	2256 (PKR) (↑)
P217 BINTULU	BN/PDP	618 (↑)	1029 (DAP) (↑)
P218 SIBUTI	BN/PBB	1134 (↓)	1256 (PKR) (↑)
P219 MIRI	PH/PKR	2841 (↓)	8830 (PKR) (↑)
P220 BARAM	BN/PDP	2989 (↑)	1193 (PKR) (↑)
P221 LIMBANG	BN/PBB	410 (↓)	181 (PKR) (↑)
P222 LAWAS	BN/PBB	109 (↑)	139 (PKR) (↑)

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2013) dan “GE14 Scorecard”,

The Borneo Post (10 Mei 2018)

Petunjuk

Parti-parti kompenan BN Sarawak

PBB = Pesaka Bumiputera Bersatu

PRS = Parti Rakyat Sarawak

PDP = *Progressive Democratic Party*

SUPP = Sarawak United People’s Party

Parti-parti kompenan PH Sarawak

PKR = Parti Keadilan Rakyat

DAP = *Democratic Action Party*